

Tak wajar guna media sosial nilai calon pekerja

Media sosial seperti Facebook, Twitter dan Instagram secara amnya digunakan untuk berhubung dengan rakan-rakan, selebihnya untuk tujuan lain seperti berniaga *online*. Namun, kini timbul pula isu sesetengah bakal majikan menilai akaun media sosial calon pekerja.

Berdasarkan kajian dilakukan Kaunselor Kanan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Saiful Redza Mohamed, beberapa majikan akan menyemak akaun Facebook calon pekerja sebelum membuat tawaran pekerjaan.

Jika tidak memiliki Facebook, mereka akan menganggap anda sebagai antisosial. Jika gambar profil bukan gambar diri sendiri, mereka akan menganggap anda orang yang kurang keyakinan. Ini antara prosedur syarikat tertentu menilai bakal pekerja melalui media sosial.

Majikan berkemungkinan menilai tingkah laku bakal pekerja dan cara mereka berfikir melalui apa yang dikongsi di media sosial. Sesetengah majikan juga tidak akan mengambil pekerja yang terlalu sosial kerana ingin menjaga nama baik syarikat.

Tipu identiti serlah potensi diri

Timbul persoalan, perlukah seseorang menyembunyikan watak sebenar di alam maya semata-mata untuk menarik perhatian bakal majikan? Perlukah seseorang itu berpura-pura dengan identiti diri bagi menyerlahkan potensi diri.

Perkembangan ini sedikit sebanyak menjadi tanda tanya kepada pelajar dan graduan mengenai penilaian yang bakal dibuat majikan. Banyak persoalan diutarakan seperti tidak ada peluang mencuba nasib, kerenah birokra-



Gunalah media sosial secara ilmiah dan berkongsi perkara berfaedah, kerana ia mungkin akan dijadikan antara prosedur sebelum anda ditawarkan bekerja”

si sesetengah majikan membebaskan disamping percaya akaun media sosial adalah hak peribadi yang tidak boleh diceroboh.

Kebanyakan netizen berpendapat media sosial tidak boleh dijadikan sebagai pengukur personaliti seseorang, malah akaun media sosial adalah hak privasi.

Bagaimanapun, kita juga perlu mengambil langkah berhati-hati menggunakan media sosial agar tidak terlalu berlebihan meluahkan perasaan sehingga menjatuhkan maruah diri, individu, syarikat mahupun negara.

Graduan berebut dapat kerja

Dalam keadaan ekonomi tidak stabil di negara ini, ramai yang masih belum mendapat pekerjaan, ditambah terlalu ramai graduan tempatan mahupun luar negara berebut mendapatkan kerja.

Faktor ekonomi juga menjadi sebab sesetengah majikan memperketatkan prosedur pengambilan pekerja. Mereka inginkan pekerja berkualiti dan integriti tinggi yang mampu memajukan syarikat.

Oleh itu, media sosial perlu diguna secara intelektual dan pelajar juga perlu bijak mengendali akaun media sosial masing-masing, seperti memuat naik status yang positif dan berkongsi informasi berguna terhadap masyarakat, isu semasa ataupun impian mereka untuk bekerja di sesebuah majikan.

Gunalah media sosial secara ilmiah dan berkongsi perkara berfaedah, kerana ia mungkin akan dijadikan antara prosedur sebelum anda ditawarkan bekerja.

